



## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN)

---

**KUALA LUMPUR, 20 November 2023 – Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN)** pada hari ini telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MPPN. Turut serta, Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang selaku Timbalan Pengerusi dan barisan ahli Majlis seramai 15 orang tokoh-tokoh masyarakat daripada pelbagai sektor. Mesyuarat pada kali ini menjadi platform diskusi bagi membincangkan perkara-perkara berhubung perpaduan negara, intergrasi nasional, keharmonian rakyat, hubungan antara agama serta pelaksanaan program perpaduan bagi tahun 2024.

MPPN pada kali ini telah meluluskan cadangan **pengaktifan semula pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) Fasa 3**, di mana PLIP sebelum ini telah membuka ruang untuk para pelajar di Institut Pengajian Tinggi mempelajari dan memahami konsep silang budaya di samping menjalani latihan industri melalui penempatan mereka di syarikat - syarikat Bumiputera dan bukan Bumiputera. Program ini akan menjadi satu program kerjasama antara Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) selaras dengan Dasar Latihan Industri di bawah KPT. Selain itu, MPPN juga **bersetuju secara prinsip dengan cadangan kerangka pemerkasaan Rukun Tetangga (RT) Progresif** selaras dengan tumpuan Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat di mana RT akan diberikan peranan menjadi penggerak dan pengantara penting dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan pada peringkat akar umbi dalam usaha membangunkan masyarakat progresif. Kerangka KRT ini akan diteliti dan diperincikan secara bersama melibatkan pelbagai Kementerian dan agensi kerajaan.

YAB Pengerusi juga menekankan supaya konsep “**Bangsa Malaysia**” dibincangkan semula secara meluas bagi memastikan ia menjadi sebahagian usaha untuk mewujudkan identiti kebangsaan yang inklusif bagi semua rakyat Malaysia. Bangsa Malaysia adalah suatu ikatan yang diterjemahkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Beliau juga turut mengalu-alukan kerjasama daripada pelbagai pihak dalam usaha untuk meningkatkan semangat perpaduan, semangat kenegaraan dan jati diri dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya di negara ini.

Dalam mesyuarat ini juga, YB Datuk Aaron turut memaklumkan bahawa KPN telah berjaya menganjurkan sebanyak **433 program sehingga September 2023** yang berteraskan tiga (3) kluster utama iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah. KPN akan meneruskan penganjuran Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) peringkat Kebangsaan bagi tahun 2024 di Negeri Johor.

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )